

## **PANDUAN PENAMATAN PERNIAGAAN**

Penamatan Perniagaan boleh didaftarkan atas sebab-sebab berikut:

### **1. Berhenti Berniaga**

### **2. Bankrap**

### **3. Kematian**

### **4. Perintah Mahkamah**

## **Prosedur Penamatan Perniagaan**

1. Lengkapkan Borang Pemberitahuan Penamatan Perniagaan Berdaftar (BORANG C)
2. Pemilik dan semua rakan kongsi hendaklah menandatangani di ruangan pengesahan oleh pemilik tunggal atau rakan kongsi.
3. Pemilik atau semua rakan kongsi perlu mengemukakan permohonan di kaunter SSM atau secara online melalui portal Ezbiz Online di laman web SSM di [ezbiz.ssm.com.my](http://ezbiz.ssm.com.my). bagi yang telah berdaftar sebagai pengguna Ezbiz Online.
4. Dokumen yang perlu dilampirkan:
  - (a) Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan
  - (b) Salinan kad pengenalan pemilik/rakan kongsi
  - (c) Salinan sijil kematian sekiranya penamatan disebabkan oleh kematian pemilik
  - (d) Salinan perintah mahkamah sekiranya penamatan atas perintah mahkamah
  - (e) Dokumen berkaitan sekiranya pemilik bankrap
5. Buat masa ini, permohonan penamatan perniagaan melalui Ezbiz Online hanya dibenarkan untuk tujuan berhenti berniaga sahaja.

## **Fi Pendaftaran**

1. Pendaftaran Penamatan Perniagaan – Tiada bayaran
2. Cetakan Maklumat Perniagaan – RM 10.00

## **Panduan Am**

1. Mendaftarkan Penamatan Perniagaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penamatan perniagaan.
2. Perniagaan berdaftar yang belum tamat tempoh perakuan pendaftaran perniagaan dibenarkan mendaftar penamatan perniagaan.
3. Mendaftarkan penamatan perniagaan atas sebab kematian dalam tempoh 4 bulan dari tarikh kematian.
4. Keputusan permohonan diperolehi dalam masa 15 minit dari waktu serahan Borang C dibuat.
5. Bagi perniagaan berdaftar yang telah luput tempoh pendaftarannya, pemilik atau rakan kongsi boleh memohon mendapatkan Surat Pengesahan Penamatan Perniagaan dengan bayaran RM10.00
6. Orang Yang Bertanggungjawab bagi perniagaan atau wakil peribadi atau waris kadim atau rakan kongsi yang tinggal gagal untuk memfailkan suatu notis penamatan di mana suatu perniagaan telah ditamatkan adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika disabit kesalahan dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara bagi tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya.